

July 2016



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

72

nd
ISSUE

info kampus



**SOARING
UPWARDS**
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION

ISSN 2232-1578



9 772232 157005

Kejohanan Bowling Piala Penolong Rektor Universiti Teknologi Mara Cawangan Sarawak, Kampus Mukah 2016

Oleh: Tracy Adeline Ajol

Sempena Hari Aktiviti Staf Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak, Kampus Mukah, satu Kejohanan Bowling Piala Penolong Rektor UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah 2016 anjuran Unit Sukan dan Rekreasi UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah telah diadakan pada hari Ahad bertarikh 6 Mac 2016. Kejohanan tersebut telah berlangsung di Sibu Superbowl. Kejohanan ini terbahagi kepada 3 kategori iaitu Kategori Lelaki Berkumpulan, Kategori Wanita Berkumpulan dan Kategori Campuran Berkumpulan.

Objektif penganjuran Kejohanan ini adalah untuk memberi ruang kepada para staf di UiTM Kampus Mukah untuk mengeratkan hubungan silaturahim terutamanya, staf yang baru sahaja berpindah ke UiTM Kampus

Mukah dan staf lama di UiTM Kampus Mukah, serta memupuk budaya hidup sihat dan cergas dan seterusnya menjurus kepada penghasilan kerja yang produktif.

Kejohanan dimulakan pada pukul 9.30 pagi dengan ucapan daripada Tuan Haji Khalik bin Haji Ibrahim, Penolong Rektor UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah dan seterusnya beliau membuat lontaran bowling sebagai simbolik perasmian Kejohanan. Pemenang pertama bagi setiap kategori adalah New Generation (Kategori Lelaki Berkumpulan), MakKoljo (Kategori Wanita Berkumpulan), Looser (Kategori Campuran Berkumpulan) serta Pemain Lelaki Terbaik Individu adalah Mohd. Fauzi bin Ahmad dan Pemain Wanita Terbaik Individu adalah Nurzaimah binti Mahudi.



PROGRAM KEMBARA ASPIRASI KENYALANG

Oleh: Muhammad Syahid Hashim & Mohamad Fandie Irwan Mohd Wazir

Program Kembara Aspirasi Kenyalang merupakan program berorientasikan akademik bagi memenuhi keperluan kod kursus ADS553 *Strategic Management for Public Sector*. Program ini telah berlangsung pada 22 hingga 24 Mei 2016 di Miri, Sarawak. Seramai 37 orang pelajar dari kelas AM2286B selaku ahli jawatankuasa telah menyertai program di bawah bimbingan dan pantauan pensyarah, Dr. Kuldip Singh.

Miri dipilih sebagai tempat jelajah kerana status 'bandaraya' dan kemajuan serta kekayaan sumber aslinya. Tambahan lagi Pejabat Belia dan Sukan Miri serta Pejabat Tenaga Kerja Miri merupakan organisasi milik kerajaan yang boleh dianggap berjaya mentadbir serta menguruskan aspek belia yang berbilang kaum dan agama dan mempunyai sumber tenaga kerja yang besar dari segi kepadatan penduduk setempat. Ini jelas mencerminkan pentadbiran dan kepimpinan yang berkaliber dan berkarisma. Faktor ini membolehkan pelajar mengaplikasikan pengendalian program ke dalam pembelajaran selain melatih pelajar menggalas tanggungjawab dengan lebih jujur dan amanah.

Banyak cabaran yang terpaksa dihadapi sepanjang program berlangsung tetapi ianya telah berjaya mematang dan menjadikan pelajar lebih kritis dan rasional dalam mencari jalan penyelesaian. Selain itu, program ini juga mengeratkan lagi hubungan silaturrahim pelajar dan pensyarah serta pihak luar kerana banyak aktiviti bersama yang dilakukan. Adalah diharapkan rangkaian kerjasama ini dapat memperkenalkan UiTM serta meningkatkan nama baik universiti di mata masyarakat luar.





Corporate Communications & International Relations

Universiti Teknologi MARA Sarawak
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,
Peti Surat 1258, 93312 Kuching,
Sarawak, Malaysia

Tel: 082 - 677 200 | Fax: 082 - 677 300
E-mail: corporate@sarawak.uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my